

*Kenali*

# **Tun Abdul Razak Hussein**



*Memagkin pemodenan  
Mengukuh pendidikan*

**Maruwiah Ahmat**

0.9595  
MAR

PERKAMPUSAN  
KEMERDEKAAN  
KUALA LUMPUR







Siri Perdana Menteri Malaysia

*Kenali*

# Tun Abdul Razak Hussein



**Maruwiah Ahmat**



EAGLE PUBLICATIONS SDN. BHD. (503915-P)  
SUNGAI BULOH  
2010

PUSTAKA PERDANA



1009442



EAGLE PUBLICATIONS SDN. BHD. (503915-P)  
No 51, Jalan Selasih 3, Saujana Utama 3,  
47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-55695150/012-2580368  
Faks: 03-55695150

© Maruwiah Ahmat 2010  
Cetakan pertama 2010

**ISBN 978 983 3537 83 9**

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, pengambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Eagle Publications Sdn. Bhd. (503915-P).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Maruwiah Ahmat, 1968-

Kenali Tun Abdul Razak Hussein : memangkin pemodenan, mengukuh pendidikan / Maruwiah Ahmat.

(Siri Perdana Menteri Malaysia)

ISBN 978-983-3537-83-9

1. Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun, 1922-1976. 2. Prime ministers--Malaysia--Juvenile literature. 3. Politicians--Malaysia--Juvenile literature. 4. Malaysia--Politics and Government--Juvenile literature. I. Judul. II. Siri.  
320.9595

*Teks diset dengan*  
Futura Bk Bt 12 pt

*Dicetak di Malaysia oleh*

Maxima Colour Separations Sdn. Bhd. (233588-X)  
Lot 1314, Lembah Kinrara, Batu 8 1/2, Jalan Puchong,  
Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

# Prakata

**Alhamdulillah** segala puji bagi Allah yang memudahkan penulis menghasilkan *Siri Kenali Perdana Menteri Malaysia* ini. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan bersama oleh para pembaca, khususnya para pelajar yang merupakan kumpulan sasaran siri ini.

Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk menyediakan bahan bacaan tambahan yang berkualiti dan penuh maklumat kepada pelajar disamping mengingat dan mengimbas tentang siapa dan apa sumbangan para Perdana Menteri Malaysia dari yang pertama hingga terkini. Sumbangan mereka tidak harus dilupakan begitu sahaja malah perlu dicontohi agar dapat dijadikan landasan bagi mendidik generasi muda untuk menjadi individu yang cemerlang dari segala aspek kehidupan.

*Siri Kenali Perdana Menteri Malaysia* ini mempunyai enam siri sebagaimana ia mewakili setiap Perdana Menteri di Malaysia. Ia memaparkan secara asas tentang biodata, latar belakang keluarga, serta karier selain sumbangan keenam-enam Perdana Menteri Malaysia baik dalam politik negara, mahupun dalam sosial kehidupan seharian. Buku ini dipersembahkan dalam bentuk bergambar bagi menarik minat dan memudahkan pemahaman pembaca.

Penulis

# Kandungan

---

*Kata Pengantar iii*

Latar belakang diri dan keluarga **1**

Penglibatan awal dalam politik **6**

Menteri Pelajaran **7**

Timbalan Perdana Menteri **7**

Perdana Menteri **20**

Tun Abdul Razak bersama UMNO dan BN **35**

Pembentukan Rukun Negara **37**

Dasar Ekonomi Baru **42**

Dasar Pendidikan Kebangsaan **45**

*Barisan Kabinet 1974* **50**

*Lagu Lima Prinsip Rukun Negara* **52**

## LATAR BELAKANG DIRI



**Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein** dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, Pahang pada tanggal 11 Mac 1922. Tun Abdul Razak merupakan anak sulung kepada Dato' Hussein bin Mohd Taib dan Hajah Teh Fatimah bt Daud. Beliau berkhidmat menggantikan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Tun Abdul Razak Dato' Hussein meninggal dunia sewaktu masih berkhidmat sebagai Perdana Menteri pada 14 Januari 1976.



Tun Abdul Razak memperoleh pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jambu Langgar sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Selepas pendidikannya tamat di MCKK, Tun Abdul Razak bertugas dengan Perkhidmatan Pentadbiran Tanah Melayu. Pada tahun 1939, beliau ditawarkan biasiswa untuk menuntut di Kolej Raffles, Singapura pada 1940. Semasa Perang Dunia Kedua tercetus, Tun Abdul Razak terpaksa diberhentikan pelajarannya buat sementara waktu. Beliau menyertai Angkatan 136 (Force 136), sebuah unit elit payung terjun Tentera Bersekutu untuk mensabotaj tentera Jepun, dan menjawat jawatan sebagai Kapten Pasukan Wataniah ketika Jepun menyerah.

Pada tahun 1947, Tun Abdul Razak dikurniakan biasiswa oleh Kerajaan Kolonial sebagai balasan jasa-jasanya untuk melanjutkan pengajian di bidang

*Raffles*  
MCKK dan ~~Kolej~~  
College merupakan  
sekolah yang amat  
populer di Tanah  
Melayu dan  
Singapura.



undang-undang di England. Pada tahun 1950, beliau menerima Degree of an Utter Barrister daripada Lincoln's Inn dan menjadi seorang peguam pada tahun 1950. Sewaktu di England, beliau telah menubuhkan Malayan Forum yang dipengaruhi oleh Parti Buruh British dengan tujuan untuk memberi kesedaran politik kepada anak-anak Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, beliau juga menganggotai Persatuan Fabian dan Malayan Student's Union.

